

NO. SOALAN: 47

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR
[KULIM BANDAR BAHARU]**

TARIKH : 28 OKTOBER 2015

RUJUKAN : 8224

SOALAN:

Dato' Abd. Aziz bin Haji Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah komplot yang dikatakan mahu menjatuhkan Kerajaan mempunyai kaitan dengan isu 1MDB dan jika ada, apakah kaitan kedua-dua isu ini dan tindakan Kerajaan dalam mengatasi isu-isu ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan memandang serius terhadap mana-mana pihak yang berkonspirasi untuk menjatuhkan Kerajaan yang sah dipilih oleh rakyat dengan cara yang tidak demokratik dan melanggar undang-undang negara sama ada mempunyai kaitan dengan isu semasa atau tidak. Kerajaan juga sedar bahawa usaha tidak sah untuk menjatuhkan Kerajaan ini akan turut menjejaskan ekonomi negara.

Oleh yang demikian, sekiranya terdapat sebarang bukti terhadap komplot tersebut, pihak Kerajaan tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang terlibat dengan menggunakan undang-undang sedia ada seperti Kanun Keseksaan, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA) dan Akta Hasutan 1948.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN WONG TIEN FATT @ WONG
NYUK FOH [SANDAKAN]**

TARIKH : 28 OKTOBER 2015 (RABU)

SOALAN : 48

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah status naik taraf Pelabuhan Sepanggar Terminal sebagai Transshipment hub. Nyatakan perancangan itu secara terperinci.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA) telah memohon peruntukan bagi Projek Pembesaran Pelabuhan Kontena Sapangar Bay di Koridor Pembangunan Sabah (SDC) dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Pada dasarnya, Kementerian Pengangkutan tiada halangan dan menyokong cadangan pembangunan oleh SEDIA di Pelabuhan Sepanggar. Dalam hubungan ini, Kementerian Pengangkutan serta Pelabuhan-pelabuhan Persekutuan di bawah Kementerian akan membantu Kerajaan Negeri Sabah dalam menjayakan pelan pembangunan berkenaan di mana wajar dan bersesuaian.